

Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**



Ibu bapa dedah anak pada risiko

Setiap anak yang dilahirkan ibarat kain putih dengan ibu bapalah yang bertanggungjawab untuk mencorakkan mereka menjadi sama ada seorang insan yang baik atau tidak mengikut cara dan kaedah didikan masing-masing.

Mutakhir ini kita didedahkan dengan pelbagai kejadian yang menimpa anak akibat daripada kecuaiannya ibu bapa itu sendiri yang jelas cukup membimbangkan. Hal ini kerana ada kejadian yang agak serius sehingga meragut nyawa anak. Antara insiden yang cukup menyayat hati ialah kanak-kanak maut terjatuh daripada eskalator serta maut dalam kereta yang ditinggalkan ibu bapa.

Tambah lagi, membiarkan anak tanpa pemantauan sehingga terbabit dengan gejala negatif seperti lumba haram, dadah, ragut, ponteng sekolah dan pelbagai kejadian jenayah lain.

Ternyata masih ramai dalam kalangan ibu bapa yang tidak menitikberatkan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan anak sepanjang masa secara serius. Apa yang menyedihkan ialah, ada yang terus leka dan lalai sehingga kemudiannya menyesal. Apapun sesal dulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya. Justeru, sebelum nasi menjadi bubur ibu bapa perlu sedar betapa mereka tidak boleh lari daripada amanah dan tanggungjawab ini begitu saja.

Baru-baru ini pihak polis mendedahkan satu lagi statistik yang menakutkan membabitkan anak kita yang cukup merisaukan. Dilaporkan sehingga Mac tahun ini seramai 309 pelajar sekolah di bawah usia 16 tahun yang menunggang motosikal tanpa lesen meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya, manakala sepanjang tahun lalu 209 pelajar meninggal dunia atas sebab yang sama.

Statistik juga menunjukkan seramai 1,004 pelajar sekolah cedera parah akibat kemalangan pada tahun lalu, bagi tahun ini sehingga Mac lalu, 119 pelajar mengalami nasib yang sama.

Di samping itu, 46,392 saman trafik dikeluarkan tahun lalu terhadap pelajar bawah usia 16 tahun atas pelbagai kesalahan, manakala dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, 5,499 saman dikeluarkan.

Bayangkan betapa statistik ini semakin meningkat dan mula merisaukan khalayak. Sedar atau tidak kejadian ini berpunca daripada kecuaiannya ibu bapa itu sendiri.

Persoalan yang paling utama ia-

lah pelajar sekolah berusia bawah 16 tahun mana mungkin mampu membeli motosikal sendiri? Sudah semestinya mereka menggunakan motosikal ibu bapa mereka. Lebih teruk lagi penulis percaya ibu bapa yang sebenarnya memberi kebenaran kepada remaja ini untuk membawa motosikal walaupun sedar mereka tidak mempunyai lesen.

Senario ini menunjukkan ibu bapa terlalu cuai dan mengambil mudah risiko yang cukup besar yang boleh membahayakan dan menggadaikan nyawa anak sendiri. Remaja yang begitu mentah dan belum memahami peraturan lalu lintas sepenuhnya sesungguhnya cukup mudah untuk melakukan kesalahan. Apatah lagi, pada usia ini mereka mudah terpengaruh dengan rakan di samping mempunyai perasaan ingin membuktikan sesuatu kepada kawan mereka. Ini akan mendorong mereka terbabit dengan gejala kurang sihat seperti lumba haram atau menunggang secara laju dan berbahaya.

Kadangkala penulis rasa cukup terkejut, terpinga-pinga dan sukar untuk memahami sikap dan tingkah laku ibu bapa yang tidak menghiraukan keselamatan anak mereka. Apakah tanggungjawab kita hanya pada aspek memberi makan dan minum, menyediakan tempat tinggal dan pakaian serta menghulurkan duit mencukupi bila mereka memerlukannya?

Kenapa kita leka dengan aspek keselamatan mereka? Kalau betul terlalu sayang sekalipun kenapa perlu manjakan mereka dengan memberi kebenaran untuk menunggang motosikal tanpa lesen? Bukankah sikap seperti ini bakal mengundang lebih banyak musibah dan masalah?

Hanya ibu bapa yang mampu menjawab semua persoalan ini. Tepuk dada tanya diri masing-masing apakah selama ini kita juga melakukan kesalahan yang sama dalam keadaan yang tidak begitu sedar? Apapun alasan ibu bapa dalam hal ini, kita tidak boleh dan tidak wajar untuk berkompromi dalam soal keselamatan anak.

Hakikatnya, ibu bapa perlu sedar tugas dan tanggungjawab utama mereka. Kita tidak boleh mengalihkan tanggungjawab ini kepada pihak sekolah mahupun pihak berkuasa semata-mata. Perlu sedar betapa kelalaian dan kecuaiannya kita boleh membunuh anak kita.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM